

14 DEC 1997

Sidang-Thailand

KUALA LUMPUR, BANGKOK SEPENDAPAT MENGENAI BANTUAN IMF

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Chuan Leekpai sependapat bahawa keadaan ekonomi di negara-negara yang menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) belum lagi berubah, kata Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah kedua-dua pemimpin percaya keadaan telah menjadi lebih buruk, katanya kepada pemberita selepas perbincangan antara Dr Mahathir dan Chuan di sini sebelum Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean bermula esok.

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa beberapa langkah harus diambil berasaskan kerjasama antara negara-negara berkenaan bagi membolehkan mereka menangani masalah itu dengan lebih berkesan.

Katanya terdapat kebimbangan bahawa IMF akan mengambil masa untuk menghasilkan cadangan-cadangan tertentu kemungkinan pada Mei tahun depan untuk membantu negara-negara yang terjejas dengan masalah mata wang.

Abdullah berkata Chuan memberitahu Dr Mahathir bahawa tempoh menunggu itu adalah terlalu lama.

Chuan mencadangkan supaya beberapa bentuk tindakan lain harus dipertimbangkan bagi memastikan keadaan ekonomi tidak menjadi lebih buruk, katanya.

Abdullah berkata para pemimpin Asean akan berusaha sedaya upaya untuk menyarankan langkah-langkah yang mereka rasakan boleh memperbaiki keadaan ekonomi di rantau ini.

Kepada satu soalan, Abdullah berkata pemimpin-pemimpin lain juga percaya keadaan itu akan berubah apabila IMF memberi bantuan.

Sebaliknya tiada perubahan dengan nilai mata wang serantau terus merosot, katanya,

"Adalah jelas bahawa IMF mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap negara-negara berkenaan dengan anggapan bahawa syarat-syarat itu akan dapat membaiki keadaan itu," katanya.

Beliau berkata kerajaan-kerajaan masih mempunyai peranan dalam membaiki keadaan ekonomi di negara masing-masing.

Abdullah berkata adalah diharapkan sesuatu yang positif akan dihasilkan pada sidang kemuncak ini bagi membantu negara-negara Asean menangani masalah masing-masing menerusi kerjasama erat seperti meningkatkan perdagangan antara Asean yang dicadangkan Dr Mahathir semalam.

Dua negara Asean - Thailand dan Indonesia - dan kini Korea Selatan telah meminta bantuan kewangan daripada IMF untuk membantu mereka memulihkan masalah ekonomi yang timbul daripada serangan-serangan spekulatif terhadap mata wang mereka.

Katanya Dr Mahathir dan Chuan turut bersetuju bahawa masalah-masalah di sempadan bersama harus diselesaikan secepat mungkin.

Mereka juga setuju untuk memudahkan pengangkutan barangan antara Thailand dan Singapura melalui Malaysia dan antara Malaysia dan Laos melalui Thailand. -- BERNAMA

MAM RON